

01/05/2000

Kerajaan pastikan makanan cukup: TPM

Ridzuan Yop

KEPALA BATAS, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan Malaysia dengan kerjasama Filipina akan berusaha memastikan semua 21 tebusan yang diculik di Pulau Sipadan, Sabah, Ahad lalu, dibekalkan dengan ubatan, pakaian dan makanan yang secukupnya selama mereka ditahan.

Timbalan Perdana Menteri berkata laporan yang baru diterima memaklumkan kepadanya bahawa semua tebusan berada dalam keadaan selamat walaupun ada antaranya yang keletihan kerana sudah agak lama ditahan.

Sehubungan itu, katanya, beliau sudah mengarahkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai dengan kerjasama rakan sejawatnya untuk memastikan semua tebusan yang diculik berada dalam keadaan sihat dan selamat.

"Saya juga sudah meminta Norian memastikan tebusan mendapat ubatan, makanan serta pakaian yang diperlukan selama mereka ditahan oleh penculik," katanya ketika diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru mangsa culik di Pulau Sipadan, Sabah, Ahad lalu.

"Laporan yang kita terima daripada seorang wartawan Filipina bahawa keadaan mereka yang diculik itu agak kepenatan kerana dah lama ditahan dan tidak dapat menyalin pakaian dan ubat yang diperlukan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) Bertam, di sini petang ini.

Kompleks itu yang berharga RM14.7 juta itu mempunyai pelbagai kemudahan sukan termasuk padang hoki astroturf, gelanggang bola padang, padang bola sepak, balapan bagi acara olahraga, gelanggang bola jaring, badminton dan tenis yang juga akan digunakan bagi Sukan Malaysia Kelapan (Sukma VIII).

Turut hadir di majlis itu, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya dan Yang Dipertua MPSP, Ismail Mamat.

Abdullah berkata, beberapa kedutaan negara asing yang rakyatnya turut ditahan dalam peristiwa penculikan itu turut meminta agar Malaysia berusaha memastikan rakyat mereka selamat.

"Saya sudah mendapat jaminan daripada Norian dan pegawai lain yang terbabit untuk berusaha bersungguh-sungguh supaya mangsa yang diculik dapat dibebaskan dengan selamat," katanya walaupun sehingga ini pihak Malaysia belum ada hubungan langsung dengan kumpulan Abu Sayyaf yang bertanggungjawab dalam penculikan itu.

Beliau berkata, pendirian Malaysia adalah jelas dan memang diketahui seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia sedia berunding secepat mungkin supaya mereka yang diculik dibebaskan dengan selamat.

Terdahulu itu, Abdullah dalam ucapannya, meminta semua pihak berkuasa tempatan yang menguruskan kompleks sukan di setiap daerah agar sentiasa menyelenggarakannya dengan baik untuk kegunaan penduduk tempatan.

Menurutnya, beliau tidak mahu melihat sesuat projek itu sebagai projek 'gajah putih' kelihatan cantik tetapi terabai dan tidak digunakan sepenuhnya.

Di majlis itu, Abdullah turut merasmikan dan menyaksikan perlawanan akhir bola sepak sembilan sebelah bagi merebut Piala Timbalan Perdana Menteri di stadium kompleks berkenaan.

Abdullah turut menyampaikan piala dan hadiah kepada juara pertandingan itu, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) selepas menewaskan Chengal F C 2-0 dalam perlawanan akhir.

(END)

